



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI SAARANI BIN MOHAMAD
MENTERI BESAR PERAK**

SEMPENA

**PEMENTASAN AKHIR DAN PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN PIDATO PERAK SEJAHTERA PIALA
YAB MENTERI BESAR PERAK TAHUN 2024**

TARIKH:

7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

MASA:

2.30 PETANG

TEMPAT:

**DEWAN BANKUET,
BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Sejahtera, Salam Malaysia Madani, dan Salam Perak Sejahtera 2030

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zahir bin Abdul Khalid

Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim

Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin

Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Perak

Yang Berhormat Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin

Pegawai Kewangan Negeri Perak

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak Darul Ridzuan

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Persekutuan dan IPT

Yang Diraikan Peserta dan Penerima Anugerah Pidato Perak Sejahtera Piala YAB Menteri Besar Perak, seterusnya Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati sekalian

1. Terlebih dahulu, saya menyampaikan salam takzim daripada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Saarani Mohamad, beliau memohon maaf kerana tidak dapat bersama pada majlis kita petang ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Sukacita saya meneruskan majlis dengan membacakan teks ucapan beliau.
2. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya, kita semua dikurniakan kesihatan dan kelapangan waktu untuk berhimpun dalam suasana harmoni bagi meraikan Pementasan Akhir dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Pidato Perak Sejahtera Piala YAB Menteri Besar Perak 2024.
3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Korporat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, serta kerjasama erat Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Kolej Matrikulasi Perak, dan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), yang bertindak sebagai urusetia program ini. Usaha gigih dan dedikasi saudara-saudari amatlah dihargai, yang mana telah memastikan kelancaran majlis kita hari ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Program pidato ini yang bermula pada tahun 2022 melalui anjuran Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan sokongan Kerajaan Negeri, telah menjadi satu platform yang sangat bermakna.
5. Dengan sambutan yang amat memberangsangkan, kerajaan negeri berbesar hati meneruskan penganjuran pertandingan ini bagi terus mencungkil bakat berpidato dalam kalangan anak-anak muda kita yang memiliki potensi luar biasa.
6. Menariknya pada tahun ini, buat julung kalinya, pidato bagi peringkat pelajar sekolah diadakan dalam bentuk bergandingan atau duo, yang melibatkan 66 orang pelajar dari kategori sekolah rendah, menengah rendah, dan menengah atas. Konsep Pidato Bergandingan ini menampilkan kreativiti pelajar dalam menyampaikan pidato secara berselang-seli, membuktikan kebolehan mereka untuk berganding dalam menyampaikan mesej yang bermakna.
7. Bagi kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT), seramai 22 peserta dari 13 IPT bertanding secara individu dengan mempersembahkan pidato serta menampilkan satu minit pidato spontan.

8. Tahniah saya ucapkan kepada pihak urus setia yang berjaya mencipta kelainan dan membawa inspirasi baru melalui penganjuran tahun ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

9. Beliau memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan masa depan negeri dan negara. Seperti yang pernah ditegaskan oleh Perdana Menteri Pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj,

"Pemuda adalah harapan bangsa. Di tangan merekalah terletak masa depan negara. Mereka bukan sahaja pewaris kemerdekaan yang kita perjuangkan, tetapi juga pemangkin kepada kemajuan yang berterusan. Jika pemuda bersatu hati dan berdisiplin, maka kuatlah negara kita. Namun, jika mereka alpa dan leka, maka mundurlah kita sebagai bangsa."

10. Kata-kata ini mengingatkan kita tentang harapan besar yang diletakkan kepada generasi muda Perak untuk tidak hanya mewarisi kejayaan masa lalu, tetapi untuk mencipta masa hadapan yang cemerlang. Platform pidato ini menggalas tanggungjawab dalam menyemai benih kepimpinan yang berani, berdedikasi, dan bersedia menggerakkan perubahan di dalam diri setiap peserta.

11. Seni pidato memiliki peranan penting dalam kehidupan sosial dan politik dari dahulu hingga kini. Pada zaman silam, tokoh-tokoh seperti Aristotle menggunakan pidato sebagai alat persuasi, manakala di Athens, Greek sekitar tahun 621 SM, seni pidato telah menjadi medium penting dalam menggerakkan demokrasi.
12. Dalam dunia Islam pula, tradisi berpidato menjadi sebahagian integral dalam budaya umat, seperti mana yang dilakukan oleh Thariq bin Ziyad, yang menggunakan pidato untuk membakar semangat bala tenteranya semasa Penaklukan Iberia di Andalusia.
13. Tradisi pidato tidak terbatas pada satu tamadun sahaja. Ia kekal penting dalam pelbagai masyarakat dan terus memberi inspirasi hingga kini, seperti yang kita lihat dalam pidato Winston Churchill yang berjaya membakar semangat rakyat British di saat-saat genting Perang Dunia II, serta John F. Kennedy, Presiden Amerika Syarikat ke-35, yang dalam pidatonya "*We Choose to Go to the Moon*" berjaya membangkitkan aspirasi Amerika untuk meneroka angkasa.
14. Seiring dengan teknologi komunikasi moden, pidato masih memiliki kekuatan untuk mempengaruhi audiens secara efektif. Sebagaimana yang dinukilkan oleh penulis Temitope Ibrahim,

“influence is when you are not the one talking and yet your words fill the room; when you are absent and yet your presence is felt everywhere.”

15. Begitulah kekuatan pidato dalam membina karakter, mempengaruhi sikap, dan membawa inspirasi kepada generasi.
16. Pidato bukan sekadar menyuarakan pendapat, tetapi satu seni komunikasi yang mampu menyentuh hati, menggerakkan minda, dan mempengaruhi tindakan masyarakat.
17. Dengan menyampaikan mesej yang jelas dan penuh makna, seorang pemidato dapat membina jati diri, memperkukuh nilai, dan memupuk kepimpinan dalam kalangan belia.
18. Saya percaya, melalui pidato, kita dapat membina sebuah masyarakat yang bukan sahaja peka dan cakna dengan isu-isu semasa, tetapi juga berani menyuarakan pandangan secara matang dan bertanggungjawab. Masyarakat yang maju adalah masyarakat yang anggotanya mampu berkomunikasi dengan bijak dan penuh hikmah.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

19. Di hadapan saya ini adalah generasi yang bakal menerajui Negeri Perak serta memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.
20. Dalam mempersiapkan generasi muda untuk menggalas tanggungjawab ini, kerajaan negeri telah memperkenalkan beberapa projek berimpak tinggi yang dirancang bukan hanya untuk kemajuan ekonomi negeri, tetapi juga sebagai platform pembelajaran dan pembangunan buat anak-anak muda kita.
21. Sebagai contoh, projek *Automotive Hi-Tech Valley* (AHTV) di Tanjong Malim membuka peluang kepada generasi muda untuk melibatkan diri dalam industri automotif masa hadapan yang berteknologi tinggi, khususnya dalam bidang kenderaan tenaga baharu (NEV). Projek ini dijangka mencipta sekurang-kurangnya 160,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 10 tahun, memberi ruang kepada anak muda Perak untuk mempelajari kemahiran yang relevan dalam era teknologi hijau.
22. Selain itu, *Perak Halal Industrial Park* (Perak HIP) yang dirancang di Lekir, juga dijangka menjadi nadi kepada sektor keterjaminan makanan dan industri halal di negeri ini. Dengan perkembangan pesat sektor halal di peringkat global, taman industri ini akan membuka peluang kepada generasi muda untuk menceburi industri halal, menyokong ekonomi negeri, dan membawa Perak lebih jauh dalam pasaran halal antarabangsa.

23. Tidak ketinggalan, *Lumut Maritime Industrial City* (LuMIC) di Daerah Manjung akan memperkukuh kedudukan negeri sebagai pusat industri maritim yang penting. LuMIC bukan sahaja menawarkan peluang pekerjaan, tetapi juga menyediakan latihan teknikal berkualiti dalam bidang perkapalan dan maritim yang amat penting untuk meningkatkan kemahiran belia kita dalam sektor ini.

24. Di Kerian pula, *Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) difokuskan kepada tenaga boleh baharu dan teknologi hijau, seiring dengan trend global yang semakin mementingkan kelestarian. Projek ini akan memberi peluang kepada generasi muda untuk mendalami teknologi hijau, manakala *Silver Valley Technology Park* (SVTP) yang berorientasikan ekonomi digital dan pembuatan bernilai tinggi membuka ruang kepada belia untuk berkecimpung dalam bidang teknologi dan ekonomi digital, membentuk Perak sebagai hab digital yang maju.

25. Semua projek ini adalah usaha berterusan kerajaan negeri untuk mempersiapkan anak-anak muda Perak agar mereka bukan sahaja menjadi pewaris negeri ini tetapi juga pemangkin kepada masa depan yang lebih maju, berteknologi, dan lestari.

26. Program ini juga merupakan satu langkah penting dalam menjayakan aspirasi Perak Sejahtera, yang mengutamakan pembangunan insan berkualiti. Dengan menyemai minat dalam pidato, kita melatih generasi muda untuk menjadi individu yang berdaya saing, berkepimpinan, dan memiliki pandangan jauh.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

27. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya berharap agar saudara-saudari sekalian dapat menjadikan pidato sebagai wadah untuk meluahkan aspirasi, membina impian, dan membawa perubahan positif kepada bangsa dan negara. Berfikirlah merentas sempadan, terokailah dunia, dan gunakan pidato sebagai medium untuk menyampaikan idea yang bernas, sama ada berbentuk saranan mahupun kritikan yang membina.

28. Pidato yang berkesan mampu menyentuh jiwa, menanamkan nilai, dan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai wahana untuk menyampaikan mesej yang penuh makna.

29. Akhir kata, pidato adalah kemahiran yang datang dengan tanggungjawab. Ia harus dibudayakan dengan pemikiran yang betul, teknik yang baik, serta niat yang jujur. Tahniah saya ucapkan kepada semua peserta atas usaha dan kesungguhan yang ditunjukkan.

30. Seiring harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, sukacitanya merasmikan Program Pementasan Pidato Perak Sejahtera Piala YAB Menteri Besar Perak Tahun 2024.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.